

21/08/2001

SNNi dilancar

KAMPALA, Isnin - Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi) - rangkaian pertukaran berita dalam lingkungan Perkongsian Pintar Selatan-Selatan - dengan rasminya dilancarkan hari ini, sekali gus menyediakan negara membangun dengan pendapat alternatif mengenai isu semasa membabitkan mereka.

Rangkaian ini dilancarkan bersama oleh Presiden Uganda, Yoweri Museveni dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 yang sedang berlangsung di Speke Resort, Perkampung Munyonyo, kira-kira 15 kilometer dari sini.

SNNi (www.SNNi.org) akan menyediakan berita-berita yang disumbang oleh pertubuhan berita dari Afrika dan Malaysia ke laman web di Internet.

Antara pertubuhan berita dari Afrika yang menyertai rangkaian pertukaran berita itu ialah The New Vision di Uganda, Agensi Berita Mozambique dan The Herald, Zimbabwe.

Dari Malaysia pula, pertubuhan-pertubuhan berita yang terbabit termasuklah agensi berita nasional Bernama, akhbar The New Straits Times, The Star dan Utusan Malaysia.

Pertubuhan ini dijangka memasukkan dua item berita setiap hari ke dalam laman web berkenaan.

Semalam, Museveni, Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano dan Dr Mahathir menandatangani Deklarasi Mengenai Media Munyonyo-Kampala yang sekali gus membuka jalan pewujudan SNNi ke arah menyuarakan pendapat secara bebas. - Bernama

(END)